BS(29.00)202/2-29 Jld.3 (2)

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2006

Semua Pegawai Pengawal

ANGGARAN PERBELANJAAN 2006

Adalah dimaklumkan bahawa sejumlah RM136,748,522,510 telah diluluskan bagi Anggaran Perbelanjaan 2006.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus

2. Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2006 bertarikh 3 Januari 2006 mengikut Seksyen 13(2) dan 13(3), Akta Prosedur Kewangan 1957, bagi pengeluaran wang sebanyak RM101,246,477,910 daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

a. jumlah sebanyak RM20,126,420,180 sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang ditanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan; dan

b. jumlah sebanyak RM81,120,057,730 sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang diluluskan di bawah Akta Perbekalan 2006.

3. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun berkenaan. Pegawai Pengawal adalah diminta mengawasi supaya perbelanjaan mengurus bagi sesuatu perkhidmatan di bawah kawalannya, tidak melebihi jumlah yang telah diluluskan dalam Anggaran itu.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

4. Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2006 bertarikh 14 Disember 2005 mengikut Seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, bagi pengeluaran wang berjumlah RM35,502,044,600 daripada Kumpulan Wang Pembangunan yang dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan bagi Butiran-butiran di bawah Maksud-maksud yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2006.

5. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran itu, melainkan dari Butiran di ruangan (9) "Pinjaman" yang memerlukan kelulusan Perbendaharaan terlebih dahulu mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 1989 sebelum wang pinjaman itu dikeluarkan.

6. Adalah diingatkan bahawa jumlah yang ditanggungkan ke atas sesuatu Maksud atau Butiran tidak boleh melebihi jumlah yang diperuntukkan bagi Maksud dan Butiran itu seperti di ruangan (8) dan (9) dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2006. Jumlah yang dikeluarkan bagi setiap Maksud atau Butiran pada setiap masa tidak boleh melebihi jumlah anggaran harga projek seperti yang tercatat di ruangan (3) Anggaran Perbelanjaan yang sama kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan.

7. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan penyaluran peruntukan kepada badan berkanun adalah mengikut kemajuan projek bagi memastikan peruntukan yang diberi kepada agensi tersebut dibelanjakan sepenuhnya ke atas projek berkenaan. Jumlah yang akan disalurkan, hendaklah mengambil kira lebihan wang rezab di agensi berkenaan.

8. Pegawai Pengawal perlu memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi supaya dapat dilaksanakan mengikut jadual. Dalam hubungan ini, Pegawai Pengawal juga perlu mengambil perhatian mengenai keperluan mengemaskini maklumat projek pembangunan melalui Sistem Pemantauan Projek (SPPII) dari masa ke semasa.

9. Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan 103 yang menghendaki supaya semua bil dijelaskan dalam tempoh satu bulan dari tarikh bil diterima. Arahan Perbendaharaan 59 hendaklah digunakan bagi mengelakkan kelewatan pembayaran bil sekiranya didapati perbelanjaan telah dilakukan atas nama Kerajaan Malaysia tetapi tidak menepati peraturan kewangan.

Pengeluaran Waran-waran Peruntukan

10. Pegawai Pengawal dikehendaki mengeluarkan waran agihan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran peruntukan tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima bagi membuat perbelanjaan di mana yang berkenaan, tertakluk kepada syarat yang dinyatakan di perenggan 5 di atas. Sehubungan dengan itu, Pegawai Pengawal juga diminta mengeluarkan sub-waran kepada agensi pelaksana di bawah bidang kuasa masing-masing selewat-lewatnya sebelum penghujung bulan Mac seperti yang diumumkan dalam Ucapan Bajet 2006.

Kawalan Perbelanjaan

11. Peruntukan tambahan adalah tidak dibenarkan kecuali benar-benar diperlukan. Sebarang keperluan baru hendaklah dikenalpasti daripada penjimatan dalam program sedia ada. Bagi peruntukan tambahan yang benar-benar diperlukan terutamanya untuk dasar atau keputusan baru yang diputuskan oleh Jemaah Menteri atau agensi pusat hendaklah dipohon selewat-lewatnya pada 30 Jun 2006. Permohonan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut dikhuatiri tidak sempat untuk dibentangkan kepada Parlimen yang dijadualkan pada September 2006, iaitu pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Kesebelas (2006).

12. Bagi tujuan kawalan peruntukan mengurus khususnya emolumen, sebarang cadangan untuk mewujudkan jawatan baru atau penyusunan semula organisasi yang berkuatkuasa pada tahun semasa dan memerlukan peruntukan tambahan, hendaklah dikemukakan juga kepada Perbendaharaan supaya keperluan kewangan sebenar dapat dikenalpasti lebih awal.

13. Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Dalam menjalankan pengurusan perbelanjaan, Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang dijelaskan di bawah Seksyen 15A, Akta Prosedur Kewangan 1957. Pegawai Pengawal juga adalah diminta bersikap tegas dan tidak ragu-ragu untuk mengambil tindakan surcaj terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan yang melakukan kesalahan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 18 Akta yang sama.

Pengurusan Aliran Tunai

14. Adalah menjadi keutamaan Kerajaan untuk menguruskan keperluan aliran wang tunai negara dengan cekap dan berkesan supaya strategi Bajet 2006 dapat

dicapai. Sehubungan dengan itu, semua agensi hendaklah mengemukakan anggaran keperluan aliran tunai yang lebih tepat bagi setiap suku tahun seperti format di Lampiran I. Laporan ini hendaklah disahkan oleh Pegawai Pengawal dan dihantar kepada Perbendaharaan sebelum 7 haribulan setiap permulaan suku tahun (Januari, April, Julai dan Oktober).

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(Dato' Sri Izzuddin bin Dali)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya

11 Januari 2006

s.k:
Akauntan Negara Malaysia
Ketua Audit Negara Malaysia